

**Kuala Lumpur:** Ahli Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Siti Susila Mohd Rafie, menerima Anugerah Mahasiswa Harapan PERSADA, baru-baru ini.

Penganugerahan bersempena dengan Program Memperkasa Jati Diri PERSADA itu berdasarkan komitmen tinggi Siti Susila dalam aktiviti kemahasiswaan, selain aktif menyertai program anjuran PERSADA.

Pelajar di Fakulti Psikologi dan Pendidikan itu yang berasal dari FELDA Triang 3, Bera, Pahang, juga memiliki rekod pencapaian akademik yang konsisten serta membebangsangkan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata universiti itu sentiasa berusaha memastikan pelajarinya diterapkan pelbagai kemahiran insaniah

dan berdaya saing.

### **Minda kelas pertama**

“Kita mahu membentuk mahasiswa minda kelas pertama bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi semua aspek, termasuk aktiviti kokurikulum dan kegiatan yang memberi impak positif kepada masyarakat,” katanya sambil mengucapkan tahniah atas pencapaian Siti Susila.

Penyampaian anugerah kepada Siti Susila itu disempurnakan oleh Pengarah Besar FELDA, Datuk Faizoull Ahmad.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali, turut berbangga dengan pencapaian Siti Susila.

“Saya berharap pelajar lain mencontohi Siti Susila yang aktif menyertai aktiviti kemahasiswaan anjuran universiti,” katanya.

## Pelajar UMS terima anugerah PERSADA

“ BH 11.12.2014 v4

UNIVERSITI ITU  
SENTIASA BERU-  
SAHA MEMASTIKAN  
PELAJARNYA DI-  
TERAPKAN PELBAGAI  
KEMAHIRAN INSA-  
NIAH DAN BERDAYA  
SAING”

**Prof Datuk Dr Mohd Harun  
Abdullah**

Naib Canselor UMS



**Siti Susila** menerima anugerah daripada Faizoull.